

## Untung bersih Apex naik 68.3 peratus

### FLEISHMAN-HILLARD

Suite 17.02, Level 17, Centrepont South, The Boulevard, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.  
(Tel: 603 2283 2730, Fax: 603 2283 2750)

#### PRESS RECORD

**Client :** Apex Healthcare  
**Media :** Utusan Malaysia  
**Section :** Ekonomi

**Date Published :** 27 August 2007  
**Page :** 22

## Untung bersih Apex naik 68.3 peratus

KUALA LUMPUR 26 Ogos - Apex Healthcare Berhad (Apex) mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.1 juta bagi suku kedua tahun kewangan berakhir 30 Jun lalu iaitu naik 68.3 peratus, berbanding RM3.6 juta bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Pendapatan kumpulan mencatat pertumbuhan sebanyak tujuh peratus daripada RM112.9 juta pada tahun kewangan sebelumnya kepada RM120.8 juta bagi tempoh separuh pertama tahun ini.

Pengarah Urusannya, Kee Kirk Chin berkata, unit perkilangan, iaitu Xeopa-Soul Pattinson mencatat jualan yang kukuh menerusi dua produk baru syarikat.

"Mucoprom Elixir iaitu ubat batuk dan Glimepiride (kencing manis) kini meneraju pasaran selain penambahan agensi-agensi baru serta pelancaran Bedak Talkum Agnesia," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Jelas Kirk Chin, kejayaan syarikat usahasama di China - Luyan (Fujian) Group merebut tender lumayan dijangka menjana pendapatan syarikat pada tahun ini.